# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**PERATURAN PEMARKAHAN**
**Kertas 1**

**1223/1 PP**

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini juga tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A
(40 markah)

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | **B** | C | D | 21 | Nyawa |
| 2 | **A** | B | C | D | 22 | Al-fadhl |
| 3 | A | **B** | C | D | 23 | Pancaindera |
| 4 | **A** | B | C | D | 24 | Taslim |
| 5 | A | B | C | **D** | 25 | Akal fikiran/Bukti-bukti kajian saintifik |
| 6 | A | B | C | **D** | 26 | Akal fikiran/Bukti-bukti kajian saintifik |
| 7 | A | B | **C** | D | 27 | Hutang |
| 8 | A | B | C | **D** | 28 | Gadaian |
| 9 | A | B | **C** | D | 29 | Pusaka |
| 10 | A | B | **C** | D | 30 | Saidina Ali |
| 11 | A | **B** | C | D | 31 | Tiga |
| 12 | A | B | **C** | D | 32 | Hujjatul Islam |
| 13 | A | B | **C** | D | 33 | Imam Shafie |
| 14 | A | B | C | **D** | 34 | Sahih Bukhari |
| 15 | A | **B** | C | D | 35 | Kota Baghdad |
| 16 | A | B | C | **D** | 36 | Laluan Sutera |
| 17 | A | B | C | **D** | 37 | Sunni |
| 18 | A | B | **C** | D | 38 | Taklik |
| 19 | **A** | B | C | D | 39 | Bid’i |
| 20 | **A** | B | C | D | 40 | Raj’i |

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud dosa :<br><br>Dosa ialah balasan buruk(1m) kerana melakukan larangan Allah SWT dan meninggalkan suruhannya.(1m)</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua perbezaan dosa besar dan dosa kecil :<br>
<table>
<tr><th>Dosa besar</th><th>Dosa kecil</th></tr>
<tr><td>Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat.</td><td>Kesalahan yang tidak diberi peruntukan hukuman tertentu di dunia atau amaran azab di akhirat.</td></tr>
<tr><td>Contoh dosa besar :<br>Minum arak<br>Berzina<br>Membunuh<br>Mengumpat<br>Derhaka kepada ibu bapa</td><td>Contoh dosa kecil :<br>Melihat aurat bukan mahram<br>Bercakap perkara yang tidak memberi faedah<br>Membazir<br>Membuang masa</td></tr>
<tr><td>Hukuman yang dikenakan adalah Qisas, hudud dan Ta'zir. Siksa neraka jika tidak bertaubat.</td><td>Jika dilakukan secara berterusan boleh menjadi dosa besar.</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Fakta betul & Aspek betul = 2m<br><br>Fakta salah aspek betul =1m<br><br>Fakta salah aspek salah = 0m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua kesan dosa terhadap ilmu seorang pelajar :<br><br>• Ilmu yang dipelajari tidak diberkati dan diredhai (1m) dalam kehidupan. (1m)<br>• Pelajar sukar mengingati ilmu yang dipelajari (1m) kerana hati menjadi keras. (1m)<br>• Ilmu yang diperolehi sukar diamalkan (1m) dalam kehidupan seharian. (1m)<br>• Ilmu yang dipelajari tidak membawa kepada kebaikan (1m)seperti sering melakukan maksiat. (1m)</td><td>2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud nifaq :<br><br>Nifaq ialah berpura-pura melahirkan keimanan (1m) sedangkan hati tetap kufur kepada Allah SWT. (1m)</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Dua sifat munafik berdasarkan hadis ialah :<br><br>• Berdusta dalam percakapan*(1m)* sehingga boleh menimbulkan fitnah.*(1m)*<br>• Mengkhianati amanah yang diberikan *(1m)* sehingga berlaku perpecahan dan pergaduhan. *(1m)*<br>• Tidak menepati janji yang dilafazkan *(1m)*sehingga hilang kepercayaan orang terhadapnya. *(1m)*<br>• Melampaui batas apabila berlaku pergaduhan*(1m)* hingga boleh berlaku pertumpahan darah. *(1m)* | 2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m |
| | (c) | | Rakan di sekolah anda mengamalkan fahaman syiah. Langkah yang diambil bagi mengelakkan gejala tersebut daripada terus berleluasa.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><br>1 isi<br>1 isi + Huraian<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan /contoh/dalil/kesan, dll<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan + kesimpulan/cadangan<br><br>CONTOH JAWAPAN<br><br>Sekiranya saya mendapati ada dikalangan rakan saya yang terlibat dalam fahaman syiah di sekolah, saya dengan segera melaporkannya kepada pihak sekolah *(I-1m)* Ini adalah kerana, fahaman syiah yang mereka amalkan adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar *(H-1m)*. Kesan daripada fahaman syiah ini akan menyebabkan akidah mereka akan rosak *(HT-1m)*. Kesimpulannya, kita sebagai umat Islam hendaklah menggelakkan daripada terjebak dengan fahaman syiah ini supaya hidup dalam keadaan aman dan harmoni. *(K-1m)*<br><br>CONTOH ISI JAWAPAN<br><br>• Memberi menasihati untuk kembali kepada ajaran sebenar.<br>• Mengajak rakan untuk menghadiri majlis ilmu.<br>• ***mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya*** | <br><br><br><br><br>= 1 markah<br>= 2 markah<br>= 3 markah<br>= 4 markah<br><br><br><br><br><br>I = Isi<br>H = Huraian<br>HT = Huraian Tambahan<br>K = Kesimpulan |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (*a*) | (i) | Maksud anak angkat :<br><br>Anak angkat bermaksud anak yang dipelihara oleh bukan ibubapa kandungnya. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | Dua peraturan mengambil anak angkat dari aspek harta pusaka :<br><br>• Anak angkat tidak boleh mewarisi harta pusaka keluarga angkatnya.<br>• Ibubapa angkat boleh memberi hartanya melalui kaedah hibah dan hadiah semasa hidup.<br>• Wasiat harta kepada anak angkat tidak boleh melebihi 1/3 daripada hartanya. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Hikmah dilarang menasabkan anak angkat kepada bapa angkat :<br><br>• Mengiktiraf keluarga bapa kandung dan mengekalkan kemuliaan pertalian nasab antara mereka.<br>• Memelihara hak anak angkat dalam mewarisi harta pusaka bapa kandungnya.<br>• Menjaga batas pergaulan supaya aurat antara anak angkat dan keluarga angkatnya terpelihara.<br>• Memelihara harta pusaka bapa kandung dan salsilah keluarga.<br>• Memelihara hak wali nikah oleh bapa kandungnya dan mereka yang berhak menjadi wali. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (*b*) | (i) | Hukum dan alasan :<br><br>a. Hukum : Sah<br>Alasan : Syarat sah penyembelih tidak mengkhusukan kepada mana-mana jantina<br><br>b. Hukum : Sah<br>Alasan : Jarak wali nasab melebihi 2 marhalah. | 2 hukum + 2 alasan = 4m<br><br>Hukum & Alasan betul = 2m<br><br>Hukum salah, alasan betul = 0m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*c*) | (i) | Dua perbezaan pembahagian daging ibadah korban dan akikah :<br><br>**Daging Korban** \| **Daging Aqiqah**<br>Sunat diagihkan secara mentah \| Sunat dimasak manis<br>Daging diagihkan mengikut nisbah 1/3 kepada fakir miskin, orang ramai dan orang yang berkorban \| Tiada pembahagian nisbah daging. Semuanya disunatkan dimasak dan dibuat jamuan | 2 isi x 1m = 2m<br><br>Catatan :<br><br>Fakta betul & Aspek betul = 2m<br><br>Fakta salah aspek betul =1m<br><br>Fakta salah aspek salah = 0m |
| | | (ii) | Melaksanakan Ibadah akikah di luar negara.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><br>1 isi<br>1 isi + Huraian<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan /contoh/dalil/kesan/dll<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan + kesimpulan/cadangan<br><br>CONTOH JAWAPAN :<br><br>Program ibadat aqiqah di luar negara yang diiklankan oleh pihak – pihak tertentu amat menarik minat umat Islam di negara ini. Pada pandangan saya penganjuran program ini amat baik sekali diteruskan sebagai kemudahan umat Islam (*I-1m*) untuk melakukan ibadat aqiqah (*H-1m*). Apatahlagi kos yang ditawarkan adalah lebih murah berbanding kos ibadat tersebut dalam negara sendiri (*HT-1m)*. Sekaligus dapat membantu golongan – golongan yang kurang berkemampuan atau yang berpendapatan rendah untuk melakukan ibadat sunat muakad ini. Namun saya menasihatkan agar peserta – peserta ibadah ini lebih berhati – hati dalam memilih agensi yang terlibat agar tidak berlaku sebarang penipuaan(*K-1m*)<br><br>CONTOH ISI JAWAPAN<br><br>• Kurang bersetuju kerana ibadah korban di luar negara tidak dapat diurus sendiri oleh keluarga.<br>• ***mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya*** | <br><br><br><br><br>= 1 markah<br>= 2 markah<br>= 3 markah<br>= 4 markah<br><br><br>I = Isi<br>H = Huraian<br>HT = Huraian Tambahan<br>K = Kesimpulan |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (*a*) | (i) | Dua faktor perkembangan sains dan teknologi pada zaman abbasiyyah ialah :<br><br>• Aktiviti penterjemahan<br>• Galakan para khalifah<br>• Globalisasi ilmu | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua kepentingan menguasai ilmu sains dan teknologi pada masa kini ialah :<br><br>• Umat Islam tidak akan ketinggalan dalam dunia*(1m)* yang semakin kompleks dengan kepantasan arus perdana *(1m)*<br>• Umat Islam dapat mencipta sendiri peralatan-peralatan moden *(1m)* tanpa mengharapkan ciptaan dari golongan bukan Islam *(1m)* | 2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m |
| | (*b*) | (i) | Maksud *taklid a'ma* :<br>Mengikut secara membuta tuli | 2 isi x 1m= 2m |
| | | (ii) | Dua sifat peribadi As-Sayyid Jamaluddin Al Afghani :<br><br>• Berani memperjuangkan kebenaran<br>• Suka merantau<br>• Tekun menuntut ilmu | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) | Kesan idea *Islah* terhadap badan pengawas di sekolah.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><br>1 isi<br>1 isi + Huraian<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan /contoh/dalil/kesan/dll<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan + kesimpulan/cadangan<br><br>CONTOH JAWAPAN :<br><br>Andainya idea Islah dapat diimplementasikan dalam badan pegawas di sekolah, sudah tentu badan pengawas tersebut mampu menjadi sebuah organisasi yang hebat dan dipandang tinggi oleh pelajar dan guru.*(I-1m)* Hal ini kerana badan pengawas mampu menangani isu-isu semasa atau terkini berlaku dalam kalangan pelajar.*(H-1m)*. Contohnya badan pengawas membuat pembaharuan dalam strategi *spot chek* pelajar yang membawa | <br><br><br><br><br>= 1 markah<br>= 2 markah<br>= 3 markah<br>= 4 markah<br><br><br><br>I = Isi<br>H = Huraian<br>HT = Huraian<br><br>Tambahan<br>K = |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | telefon ke sekolah pada waktu yang berlainan dari waktu kebiasaanya*(HT-1m).* Kesimpulannya idea islah mampu melahirkan sebuah organisasi yang hebat kerana dunia sentiasa berdepan dengan perubahan-perubahan yang tidak dijangka *(K-1m).*<br><br>CONTOH ISI JAWAPAN<br><br>• Badan pengawas boleh menyelesaikan isu-isu terkini.<br>• Pelajar memandang tinggi terhadap kepimpinan pengawas.<br>• mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya. | Kesimpulan |
| | (*c*) | (i) | Dua peranan akal dalam kehidupan manusia ialah :<br><br>• Mempertingkatkan iman dan amal seseorang untuk menuju ke mercu kejayaan hidup di dunia dan akhirat<br>• Berfikir tentang kejadian alam pada setiap masa agar dapat meyakini kewujudan Allah s.w.t.<br>• Dapat membezakan Antara perkara yang hak dan yang batil<br>• Menentukan tindakan seseorang agar tidak terjerumus ke lembah maksiat seperti minum arak, menagih dadah dan lain-lain.<br>• Membolehkan manusia berfikir, berusaha dan mereka cipta sesuatu yang boleh meningkatkan taraf hidup | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua hikmah berfikir menurut Islam ialah :<br><br>• Memantapkan iman yang boleh menjadikan seseorang itu cemerlang hidup di dunia dan akhirat*(1m)* kerana dia sanggup menghadapi dugaan hidup dengan sabar *(1m)*<br>• Menyedari kekuasaan dan kesabaran Allah*(1m)* dengan mengambil iktibar daripada ciptaan Allah s.w.t *(1m)*<br>• Dihormati dan disanjungi oleh masyarakat*(1m)* kerana akal fikiran yang digunakan memberi faedah kepada masyarakat dan Negara*(1m)*<br>• Proaktif dan berdaya maju*(1m)* kerana akal fikiran yang baik mampu menggunakan peluang yang ada secara cermat dan terancang *(1m)*<br>• Boleh menyelesaikan masalah dengan cepat dan berkesan*(1m)* kerana mempunyai akal fikiran yang boleh bertindak dengan alasan dan bukti yang kukuh*(1m)*<br>• Dapat menceburi bidang-bidang baru*(1m)* yang bermanfaat, berdaya saing dalam bidang yang diceburi*(1m)*<br>• Dapat menghindar diri daripada unsur khurafat*(1m)* yang merosakkan akidah*(1m)*<br>• Dapat menghindar unsur negative *(1m)* yang mengancam keamanan negara *(1m)* | 2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Isi tanpa huraian =1m |

© 2017 Hak Cipta BPSBPSK 

<table>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua pembahagian pasukan tentera Umaiyah :<br><ul><li>Qalbu al jaisy (1m)</li><li>Al-maimanah (1m)</li><li>Al-maisarah (1m)</li><li>Al-mukaddimah (1m)</li><li>Saffatul al jaisy (1m)</li></ul></td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua Perbezaan ketenteraan diantara zaman khulafa al-Rasyidin dan zaman kerajaan bani Umaiyah.<br><table><tr><th>Khulafa al-Rasyidin</th><th>Kerajaan bani Umaiyah</th></tr><tr><td>Sukarela. (1m)</td><td>Pada peringkat awal secara sukarela kemudian ia menjadi satu kerahan tenaga kepada rakyat arab yang memenuhi syarat. (1m)</td></tr><tr><td>Tiada keutamaan pada sesuatu bangsa. (1m)</td><td>Mengutamakan orang-orang arab. (1m)</td></tr><tr><td>Latihan ketenteraan umum. (1m)</td><td>Dilatih berperang khas di musim panas dan musim sejuk. (1m)</td></tr></table></td><td>2 isi x 2m = 4m<br><br>Catatan :<br><br>Fakta betul & Aspek betul = 2m<br><br>Fakta salah aspek betul =1m<br><br>Fakta salah aspek salah = 0m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Nama sebenar Imam Malik rahimahullah :<br><br>Malik bin Anas bin Malik bin Ammar al-harith. (2m)</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara Imam Malik rahimahullah menghormati hadis nabi :<br><ul><li>Memakai serban. (1m)</li><li>Memakai bau-bauan. (1m)</li><li>Beliau mandi dan memakai pakaian yang bersih. (1m)</li></ul></td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Dua cara berjihad membaiki diri :<br><ul><li>Menyebarkan ilmu pengetahuan. (1m)</li><li>Sabar dan ikhlas dalam menyebarkan Islam. (1m)</li><li>Mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. (1m)</li><li>Bersungguh-sungguh mempelajari ajaran Islam yang sebenar. (1m)</li></ul></td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Dua adab berjihad dalam Islam :<br>• Sanggup berkorban apa sahaja untuk perjuangan. *(2m)*<br>• Sentiasa beriltizam dan istiqamah dalam perjuangan. *(2m)*<br>• Mematuhi arahan dan mempunyai semangat berpasukan. *(2m)*<br>• Umat Islam hendaklah sentiasa mempunyai niat yang ikhlas supaya mendapat keredhaan Allah SWT. *(2m)* | 2 isi x 2m = 2m |
| | | (iii) | Cara anda menjadikan media sosial tersebut sebagai peluang anda untuk berdakwah.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br>1 isi<br>1 isi + Huraian<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan /contoh/dalil/kesan, dll<br>1 isi + Huraian + Huraian tambahan + kesimpulan/cadangan<br><br>CONTOH JAWAPAN<br><br>Media sosial merupakan antara peluang terbaik untuk saya melaksnakan tanggungjawab berjihad kerana hampir setiap orang rakyat malaysia tanpa mengenal usia akan menghabiskan masa bersosial melalui media tersebut.*(I-1m)*. Saya akan menulis artikal-artikal yang boleh meingkatkan kefahaman masyarakat terhadap islam dan penghayatanya *(H-1m)*. Kesannya, masyarakat secara tidak langsung akan mempelajari Islam secara santai dan dapat mengelakkan dari membaca artikal-artikal yang boleh merosakkan akidah dan mendatangkan pergaduhan dikalangan masyarakat. *(H-1m)*. Kesimpulannya penggunaan media sosial secara betul mampu menjadikan ia sebagai medan dakwah yang berkesan pada zaman sekarang. *(K-1m)* | = 1 markah<br>= 2 markah<br>= 3 markah<br>= 4 markah<br><br>I = Isi<br>H = Huraian<br>HT = Huraian Tambahan<br>K = Kesimpulan |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

© 2017 Hak Cipta BPSBPSK 